

Newspaper	Berita Harian
Date	23 May 2015

Inovasi sains, teknologi pacu pembangunan negara

BH-23/5/2015

Kuala Lumpur: Inovasi dalam bidang sains dan teknologi dikenal pasti sebagai aspek penting dalam pembangunan negara, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia perkara yang penting dalam memacu negara ke arah ekonomi berteraskan maklumat.

Perlu berdaya saing

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, galakan untuk berdaya saing dan mencuba perkara baharu adalah penting dalam pembentukan masyarakat yang progresif.

"Kita perlu mencontohi eko-

Molaysia berusaha menyediakan golongan belia dalam mewujudkan tenaga kerja berkualiti. Bermula tahun 2018, penilaian keupayaan imaginasi dan berinovasi akan dititikberatkan"

Muhyiddin Yassin,
Timbalan Perdana Menteri

nomi negara yang berkembang pesat seperti Korea, maka negara yang berpandangan jauh memerlukan pentadbiran yang kukuh, terutama dalam bidang sains dan teknologi.

"Malaysia yang komited turut memperlihatkan usaha menyediakan golongan belia dalam mewujudkan tenaga kerja berkualiti. Bermula tahun 2018, penilaian keupayaan imaginasi dan berinovasi juga akan dititikberatkan," katanya pada Malam Budaya Cipta sempena Pameran Reka-cipta dan Inovasi Antarabangsa (ITEX) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di

sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Malaysian Invention and Design Society (MINDS), Tan Sri Profesor Emiritus Dr Augustine Ong Soon Hock dan Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan.

Hargai sumbangan penyelidik

Muhyiddin berkata, entiti perniagaan di Malaysia perlu untuk berinovasi bagi memberi impak positif kepada ekonomi negara.

"Kita jangan lupakan golongan penyelidik, pakar akademik dan pereka cipta yang banyak menyumbang kepada inovasi dalam negara.

"Tiada siapa yang lebih arif mengenai betapa pentingnya inovasi berbanding golongan penyelidik manakala masyarakat juga harus diberi galakan untuk memberi input dalam mengukuhkan inisiatif baharu," katanya.